

20 MAY 1999

MAHATHIR

EKONOMI CATAT PRESTASI BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hari ini menyatakan ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi baik, dinilai daripada prestasi menggalakkan pelbagai indeks ekonomi di negara ini.

Indeks-indeks itu termasuklah Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kedudukan perdagangan luar dan indeks pengeluaran perindustrian.

Indeks Komposit BSKL meningkat sebanyak lebih daripada 200 mata dalam tempoh dua bulan ini untuk melepasi paras 700 mata.

"Daripada petunjuk indeks, kita boleh lihat ekonomi ketika ini mencatatkan prestasi yang baik," katanya apabila diminta mengulas mengenai status semasa ekonomi Malaysia.

Bercakap kepada pemberita selepas mengumumkan rombakan kecil kabinet pagi ini di pejabatnya, Dr Mahathir juga berkata pertumbuhan bagi suku tahunan pertama tahun ini masih dalam anggaran.

"Ia berada dalam sasaran unjuran kita dan akan menyumbang kepada satu peratus daripada ramalan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (bagi tahun ini)," tambahnya.

Beliau, bagaimanapun, tidak memberikan sebarang angka khusus bagi suku tahunan pertama.

-- BERNAMA

ES ZK